



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PUSAT TUISYEN KAMI MEMBANGUN KOMUNITI MADANI

PETALING, 13 Ogos 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah **melancarkan Pusat Tuisyen KAMI di KRT Taman Sri Serdang, Petaling, Selangor**. Tuisyen KAMI merupakan satu lagi **inisiatif terbaharu Kementerian dalam ‘Membangun Komuniti MADANI’ melalui program pendidikan tambahan** yang dilaksanakan menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Perpustakaan Negara Malaysia.

Objektif pelaksanaan Tuisyen KAMI adalah untuk membantu menyediakan pendidikan tambahan percuma kepada pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan, membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik mereka, memenuhi tanggungjawab sosial Kementerian kepada Masyarakat dan merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk **‘Memperkasa Rakyat’** melalui pendidikan berkualiti.

Terdapat **dua (2) pendekatan yang dilaksanakan** bagi pelaksanaan Program Tuisyen KAMI iaitu:-

- a. Pelaksanaan melalui JPNIN yang digerakkan oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Kumpulan sasaran adalah pelajar-pelajar calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan akan menduduki peperiksaan pada tahun 2024 yang terdiri daripada kalangan keluarga yang kurang berkemampuan dan adalah pelajar-pelajar yang berprestasi sederhana serta lemah dalam akademik masing-masing.
- b. Pelaksanaan melalui Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS). Tuisyen ini merupakan inisiatif YSS sejak tahun 2013. Kumpulan sasaran yang terlibat adalah komuniti pedalaman, asnaf dan B40.

Program ini memberi **fokus kepada enam (6) mata pelajaran teras bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Islam. Ia dilaksanakan **selama satu (1) tahun**. Pada enam (6) bulan pertama, kelas tuisyen akan dijalankan dan pemantauan akademik serta bengkel pembangunan modal insan/pemupukan dan pembangunan. Seterusnya, Jejak Lepas SPM akan dibuat selama enam (6) bulan untuk memantau hala tuju pelajar dan keberhasilan program.

Inisiatif bantuan makanan turut dilaksanakan sepanjang tuisyen ini bagi memastikan pelajar dapat menghadiri kelas dengan selesa dan fokus. Selain itu, ia juga untuk memudahkan pelajar-pelajar supaya tidak perlu berulang-alik ke rumah yang akan meningkatkan kos perbelanjaan logistik mereka.

KRT Taman Sri Serdang terpilih sebagai perintis kepada Program Tuisyen KAMI. Kecemerlangan KRT ini dalam program-program yang berimpak tinggi kepada komuniti setempat di Negeri Selangor telah diiktiraf melalui beberapa anugerah yang diterima di peringkat kebangsaan dan negeri. Antaranya ialah Anugerah Pengurusan Projek Jiran Muda Terbaik Kebangsaan pada tahun 2018, Anugerah Projek Jiran Muda Terbaik Negeri Selangor tahun 2018 dan Projek Kelestarian Jiran Muda Terbaik negeri Selangor tahun 2019.

Program ini turut mendapat **kerjasama strategik daripada Lembaga Tabung Haji Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kementerian/Jabatan Pendidikan Malaysia.** Lembaga Tabung Haji Malaysia turut menyalurkan dana sebanyak **RM500,000.00** untuk pelaksanaan Tuisyen KAMI bagi tempoh 2023/2024. Perpustakaan Negara Malaysia juga telah menyumbangkan **500 buah buku** dan seterusnya melancarkan Unity Library di KRT Taman Sri Serdang.

YB Menteri Perpaduan menyatakan bahawa Kementerian akan sentiasa komited untuk merangka dan melaksanakan pelbagai program bagi memenuhi aspirasi Kerajaan untuk 'Memperkasa Rakyat'. Usaha 'Pemeriksaan KRT' sebagai penggerak komuniti progresif akan memberi satu lonjakan kepada peranan KRT dalam pembangunan dan kesejahteraan komuniti.

Kementerian Perpaduan Negara

13 Ogos 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()